

Halatuju Pendidikan Teknik dan Vokasional : Kaedah Avicenna

Muhamad Afzamiman Bin Aripin, Rohana binti Hamzah, Amirmudin bin Udin

ABSTRAK

Sistem pendidikan pada masa kini tidak lagi melalui suatu fasa atau proses yang mudah, bahkan semakin hari semakin rumit. Tambahan pula dengan lahirnya pelbagai aliran, fahaman dan pemikiran dalam pendidikan, suasana pendidikan dan bentuk kurikulum sekolah menjadi semakin bertambah kompleks. Halatuju pendidikan pula lahir dalam pelbagai corak dan rupa sehingga ramai yang terkeliru dan semakin kabur dengan matlamat pendidikan yang sebenar. Penulisan ini menceritakan secara ringkas halatuju pendidikan yang terkandung dalam Education for All (EFA), halatuju pendidikan Ibnu Sina (Avicenna) dan perkaitannya dengan halatuju Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia. Titik harmoni antara objektif pendidikan peringkat global masa kini dan pandangan klasik ahli falsafah Islam ini cuba diterokai dalam bentuk yang kontemporari bagi mendapatkan titik temu dan penambahbaikan yang dapat memacu kemajuan negara. Berlandaskan matlamat falsafah pendidikan negara yang mahu melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, penulisan ini akan memberikan alternatif kepada satu lagi panduan falsafah yang lebih dekat dengan suasana dan kepercayaan di Malaysia.

Kata kunci: Education for All (EFA), Ibnu Sina (Avicenna), Halatuju Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV)

ABSTRACT

Education system nowadays had not gone through a simple phase and process anymore, but becoming much more complicated each day. With the existence of so many understanding and ideology in education, the ambience of education and the design of school curriculum become much more complex. Indeed, the destiny of education exist in various faces and shape until so many people get confuse and having an unclear vision of education. This writing brief about the destiny of education that exist in Education for All (EFA), the destiny of education by Avicenna and the relationship with Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia. The meeting point between the global objectives in education today, and this classic Islamic philosopher view, are seen in a contemporary form to help the improvement of the country. Based on the national philosophy of education which are to develop a balance individual in term of physical, emotional, soul and intellect, this writing will give an alternative to another philosophy as a guidance that is much more closer with the environment and believed in Malaysia.

Key words: Education for All (EFA), Avicenna, Destiny of Technical and Vocational Education and Training (TVET)

Pendahuluan

Dewasa ini, kebanyakan negara membangun berusaha dengan sedaya upaya untuk mencapai matlamat pendidikan untuk semua (*Education for All*). Seminar yang diadakan di Dakar pada tahun 2000 telah menggariskan enam matlamat pendidikan yang ingin dicapai menjelang tahun 2015. Dalam tahun yang sama juga *Millennium Development Goals* (MDGs) turut diketengahkan bagi memandu halatuju pendidikan ketika ini.

Disebalik usaha-usaha murni tersebut, pada dasarnya objektif yang telah ditetapkan tidak mungkin dapat dicapai tanpa melihat kepada aspek-aspek lain seperti keadaan kestabilan ekonomi dan juga politik. Begitulah juga yang berlaku dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional (K.King, 2009). Disamping itu isu pendidikan seperti yang sedia maklum, merupakan salah satu daripada isu kemasyarakatan. Bagi masyarakat Malaysia yang berpegang kepada prinsip kepercayaan kepada Tuhan, apatah lagi Islam sebagai agama rasmi persekutuan, halatuju pendidikan seharusnya merangkumi aspek yang lebih luas lagi menurut acuan tempatan tanpa mengabaikan objektif-objektif pendidikan yang telah dibincangkan di peringkat global.

Justeru itu, penulisan ini cuba mengupas rasional hala tuju pendidikan teknik dan vokasional dengan membandingkan objektif *education for all* dengan falsafah pendidikan yang dipelopori seorang ilmuan, agamawan dan ahli falsafah Islam, Ibnu Sina (*Avicenna*).

Pandangan Umum Ibnu Sina dalam Pendidikan


Ibnu Sina atau Avicenna merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam dunia Islam mahupun Barat. Keilmuan beliau merentasi bidang dan menyerlah dalam agama, kedokteran, sains, matematik dan juga falsafah. Dalam bidang falsafah khususnya, nama beliau diletakkan sebaris dengan nama besar filosof Yunani seperti Aristotle. Bahkan, beliau telah banyak mengharmonikan antara falsafah Yunani yang bersifat teoritis dengan falsafah Islam yang bersifat praktis sesuai dengan lunas-lunas syara' (Hasan Langgulong, 1981).

Falsafah banyak membicarakan tentang tujuan dan matlamat sesuatu perkara. Apatah lagi dalam bidang pendidikan, tujuan yang jelas adalah sangat diperlukan. Menurut Ibnu Sina dalam Hasan Langgulong (1981), tujuan pendidikan mampu berfungsi dalam tiga cara.

Pertama, tujuan pendidikan mampu menentukan haluan kepada pendidikan itu sendiri. Kedua, ia memberikan ransangan dalam mencapai matlamat dan yang terakhir, menjadi kriteria dalam melakukan penilaian kepada proses pendidikan.

Menurut pandangan Ibnu Sina lagi, haluan dalam pendidikan pula dipecahkan kepada tiga tahapan. Pertama, pendidikan itu haruslah bertujuan khusus (objective), seterusnya bertujuan umum (goals), dan diakhiri dengan tujuan akhir (aims). Memandangkan Ibnu Sina merupakan seorang tokoh falsafah yang tumbuh dalam suasana ketaatan kepada agama yang tinggi, rencana falsafah beliau banyak membincang perkara metafizik. Hal ini termasuklah pandangan beliau dalam pendidikan yang bertujuan mengenal diri sebagai hamba dan khalifah kepada Pencipta.

Dalam siri memberikan pendidikan kepada anak-anak, beliau mencadangkan pendidikan Al-Quran sebaik sahaja kanak-kanak bersedia dari segi jasmani dan akal. Dalam waktu yang sama, anak-anak tadi diajar huruf-huruf ejaan (literasi). Daripada membaca, anak-anak digalakkan pula untuk menghafal bait-bait syair sehinggalah kepada qasidah yang mana mengandungi nasihat-nasihat yang baik. Ini bertujuan menanamkan nilai-nilai murni dan akhlak terpuji kepada anak-anak. Seterusnya anak-anak tadi digalakkan menghafal Al-Quran. Seterusnya barulah dihalakan kepada sifat dan bakat yang dimilikinya (Abd al-Rahman al-Naqib, 2000).



Rajah 1: Fasa pendidikan Ibnu Sina, diolah daripada Abd al-Rahman, 2000.

Secara umumnya, pandangan ini merupakan pandangan yang seakan-akan sama dalam dunia pendidikan hari ini dimana kita meletakkan misi, visi dan objektif dalam mana-mana sistem pendidikan. Persoalannya, adakah misi, visi dan objektif yang wujud hari ini akhirnya membawa kepada mengenal diri sebagaimana yang diwacanakan oleh Ibnu Sina dalam falsafah beliau? Untuk menjawab persolan tersebut tujuan pendidikan pada masa kini perlu disemak semula.

Pendidikan Untuk Semua (EFA): Satu Tujuan

Pendidikan untuk semua atau education for all (EFA) merupakan kesinambungan daripada objektif UNESCO sejak tahun 1946 yang mahu berusaha menyediakan pendidikan rendah yang sejagat atau dikenali sebagai *universal primary education* (UPE). Menurut Phillip Hughes (2005), deklarasi untuk EFA pada tahun 1990, telah dilaksanakan di Jomtien melibatkan 155 buah negara. Walaubagaimanapun, sebuah lagi pertemuan melibatkan 160 buah negara telah dilaksanakan di Dakar menjelang tahun 2000 berikutan sasaran matlamat deklarasi tersebut tidak terlaksana.

Dalam pertemuan di Dakar, beberapa perkara telah di perlihatkan. Antaranya, didapati hampir 100 juta kanak-kanak tidak mendapat peluang untuk bersekolah. Disamping itu, satu pertiga daripada populasi dunia berada dalam kalangan negara-negara yang mempunyai pencapaian tidak memberangsangkan bagi sasaran EFA tahun 1990. Hal ini sebenarnya menggambarkan situasi yang kurang baik diseluruh dunia dan tindakan segera perlu dilaksanakan.

Justeru itu, pertemuan di Dakar telah sebulat suara mengemukakan beberapa sasaran baru bagi mengatasi krisis ini menjelang tahun 2015. Menurut Phillip Hughes (2005) lagi, sasaran-sasaran pertemuan tersebut adalah seperti berikut

- I. Pendidikan awal kanak-kanak
- II. Pendidikan rendah universal, termasuklah mengenalpasti keperluan yang kurang bernasib baik
- III. Capaian kepada pembelajaran dan kemahiran hidup bagi belia dan dewasa.
- IV. Meningkatkan kadar literasi dewasa
- V. Menyisihkan isu ketidaksamaan jantina

- VI. Meningkatkan kualiti pendidikan, terutama sekali dalam literasi, mengira dan kepentingan hidup (*essential life*)

Halatuju PTV Dalam Konteks EFA

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) sangat berkait rapat dengan sasaran-sasaran diatas. Menurut Phillip Hughes(2005) lagi, *basic education* atau pendidikan asas yang digariskan dalam EFA merujuk kepada pendidikan untuk hidup dan pendidikan untuk kerjaya dimana kedua-dua unsur pendidikan ini merupakan perkara yang terkandung di dalam PTV.

Hubungan antara PTV dan EFA dilihat mampu mengurangkan kadar kemiskinan dengan membekalkan individu-individu dengan kemahiran. PTV juga dilihat mampu menjadi medium motivasi kepada pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik untuk meneruskan pengajian, Disamping itu, PTV juga menekankan kepada keupayaan literasi sebagaimana yang ditekankan dalam EFA memandangkan ia merupakan perkara yang penting bagi menghadapi dunia pekerjaan (Phillip Hughes, 2005). Diskriminasi yang wujud dalam bentuk jantina, keupayaan fizikal dan sebagainya dapat dikurangkan memandangkan PTV mempunyai pelbagai cabang yang boleh dipelopori dari peringkat bawah sehinggalah peringkat pengajian tinggi (UNESCO, 2002).

Kesemua perkara-perkara diatas pada dasarnya menjadikan pendidikan teknik dan vokasional merupakan salah satu wadah lestari dalam menyediakan tenaga kerja yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara dalam konteks sosial, budaya dan ekonomi (UNESCO, 2002).

Titik Harmoni

Halatuju yang digariskan dalam EFA untuk pendidikan teknik dan vokasional merupakan juzu'i atau pecahan daripada halatuju yang lebih besar kerana tujuan pendidikan yang sebenar haruslah digali dari sudut falsafah terlebih dahulu. Hal ini kerana daripada objektif ini, akan

membawa kepada kewujudan kurikulum dan penentuan pembelajaran. Curtis R.Fich (1999) mengatakan bahawa falsafah merupakan cahaya panduan bagi pembentukan kurikulum, bahkan menjadi kerangka kurikulum bagi kebanyakan institusi pengajian.

Secara mudahnya, boleh dikatakan bahawa objektif yang digariskan dalam pertemuan di Dakar merupakan objektif yang boleh dimasukkan dalam falsafah Ibnu Sina. Bahkan sesetengah perkara seperti kepentingan literasi adalah selari dan seiring antara keduanya. Hal yang sama juga terkandung dalam matlamat dalam memberikan didikan awal kepada kanak-kanak.

Kedudukan pendidikan teknik dan vokasional bagi memperbaiki taraf hidup dan masyarakat sebenarnya merupakan cabang kecil dalam falsafah Ibnu Sina. Jika diperhalusi, Ibnu Sina tidak pernah menolak apabila dikatakan pendidikan itu bertujuan mencari kerja bagi meneruskan kelangsungan hidup, tetapi bagi beliau ianya bukanlah tujuan akhir dalam pendidikan. Kerana itu jugalah penekanan kepada ilmu pembentukan aqidah dan akhlak menjadi fokus utama beliau sebelum memperkenalkan pelajar dengan bidang yang bersesuaian dengan minat dan bakat mereka.

Oleh yang demikian, dalam memacu sistem pendidikan teknik dan vokasional menurut acuan tempatan, aspek kejiwaan haruslah dibangunkan terlebih dahulu berbanding aspek material. Persoalan tentang bagaimana membangunkan aspek kejiwaan itu sendiri telah dijawab oleh Ibnu Sina dalam kaedah pendidikannya. Hal ini sebenarnya adalah selari dengan pendapat Rohana (2010) yang menyatakan bahawa pembangunan kejiwaan adalah perlu dikaitkan dengan agama. Hal ini juga telah disahkan sendiri oleh seorang psikoterapi bernama Carl Jung dalam Rohana (2010) yang menyatakan bahawa sebab utama manusia moden memerlukan rawatan psikoterapi adalah kerana mereka tidak lagi berpegang teguh kepada agama.

Di samping itu, dalam penulisan Abd al-Rahman al-Naqib (2000), ada menyatakan pandangan Ibnu Sina terhadap pemimpin atau khalifah. Isu ketidakadilan dan kesamarataan sebenarnya telah diulas melalui pandangan Ibnu Sina melalui pemahaman konsep khalifah beliau. Dalam menelusuri semula sirah Nabi Muhammad s.a.w, kriteria pemimpin yang dipilih oleh masyarakat adalah melalui keimanan, kemampuan dan pengetahuan dan kefahaman yang mendalam terhadap deen atau agama. Begitulah juga sebagaimana yang berlaku dalam beberapa siri zaman khalifah yang seterusnya.

Oleh yang demikian, dalam kaca mata pandangan Ibnu Sina, masyarakat pada hakikatnya tidak memiliki kriteria dan ciri yang sama, bahkan dikurniakan dengan kepelbagaian dalam kemahiran dan keupayaan. Perbezaan ini sebenarnya memerlukan kepada pengkhususan disamping kerjasama yang utuh antara individu dalam masyarakat. Jika kerjasama ini tidak dapat dibentuk dan dipertahankan, ia akan meruntuhkan sistem sosial yang telah terbina.

Kesimpulan

Dalam pertemuan 31st Annual ATEE Conference pada tahun 2006, sikap Malaysia yang cuba menuruti acuan dan sistem luar telah dikritik. Sebagai contoh, usaha Malaysia dalam menuruti acuan *National Occupational Skill Standards* (NOSS) yang diambil daripada konsep *Anglo-American* mula kelihatan goyah selepas sepuluh tahun perlaksanaannya. Pada tahun 2005, pula usaha Malaysia mewujudkan Skim Latihan Dual Nasional yang hampir menyerupai sistem di Jerman didapati masih tidak sesuai dilaksanakan. Oleh itu, halatuju pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia seharusnya tidak terperangkap dalam persepsi dan pandangan terbatas sebagaimana yang berlaku di luar negara. Sikap menuruti acuan orang lain adalah sikap yang merugikan. Firman Allah SWT yang bermaksud;

“Lalu Firaun memperbodoh (menyesatkan) kaumnya, lalu mereka mengikutnya. Sesungguhnya mereka itu kaum yang fasik.”

Az-Zukhruf : 54

Dalam usaha mencari resipi dan penawar kepada kekeliruan ini, satu bentuk panduan yang bersifat tempatan perlu diusulkan termasuklah konsep falsafah yang lebih menyeluruh seperti yang diutarakan oleh Ibnu Sina. Falsafah pendidikan yang dipayungi Ibnu Sina (*Avicenna*) merangkumi pembangunan individu secara holistik melibatkan fizikal, mental dan moral (Abd al-Rahman al-Naqib, 2000). Hal ini membawa kepada pembentukan personaliti yang lengkap dari segi perwertakan dan luaran. Pembangunan holistik ini seterusnya diikuti dengan penyediaan manusia untuk diserapkan dalam masyarakat sebagai mana matlamat yang sering diulang dalam pendidikan teknik dan vokasional.

Sememangnya PTV merupakan pendidikan yang berkaitan dengan kerjaya dan berpusatkan kemahiran. Walaubagaimanapun sebelum melangkah kearah membina tenaga manusia yang mampu bekerja, apatah lagi mengatasi masalah-masalah pendidikan yang lain, kita perlulah menyediakan individu-individu yang mengenal hakikat kebenaran dan kewujudan diri mereka terlebih dahulu.

Hanya dengan mengenal diri sahaja mampu menjadikan seseorang itu lengkap dengan nilai-nilai yang tersimpan dalam kehidupan beragama lantas dapat membangunkan negara dengan sifat amanah, jujur dan pelbagai lagi amalan terpuji. Semua ini sangat diperlukan dalam membangunkan ekonomi, politik dan sosial bahkan menjawab ketidakseimbangan yang berlaku dalam usaha mencapai objektif falsafah pendidikan negara.

Persoalannya sekarang, adakah perlu bagi kita membina kurikulum PTV dengan memaksa setiap pelajar menjadi seorang hafiz Quran? Adakah perlu bagi kita mengadakan kelas khas bagi membina sahsiah dan moral sebelum ke bengkel-bengkel? Atau paling tidak, mungkin kita akan menggambarkan sebuah sekolah pondok yang mana pelajarinya belajar memegang gergaji pada tahun-tahun akhir pengajian. Isunya disini bukanlah bagaimana ia diimplimentasikan, tetapi bagaimana pendidikan PTV dimulakan terutama sekali dalam merangka satu sistem berkesinambungan, tidak dipisah-pisahkan keperluan rohani serta jasmani dan tidak terasing daripada matlamat pendidikan yang sebenar.

Rujukan

Abd al Rahman al Naqib (2000). Avicenna. Prospects. Volume XXIII no 1/2.

Curtis R.Finch and John R. Crunkilton (1999). Curriculum Development in Vocational and Technical Education (Planning, Content, and Implementation). Allyn and Bacon. United States of America.

Joachim Dittrich (2006). Promoting innovations via professionalisation of TVET professionals - the Hangzhou framework and the way forward. Proceedings of the 31st Annual Association of Teacher Education in Europe Conference. 2 – 4 April. Las Vegas, Earheart Foundation: , 345 – 359.

Kenneth King (2009). Education, skills, sustainability and growth: Complex relations. International Journal of Educational Development. Elsevier Ltd. United Kingdom

Prof. Dr. Hasan Langgulung (1981). Beberapa Tinjauan Dalam Pendidikan Islam. Penerbit Pustaka Antara. Kuala Lumpur

Phillip Hughes (2005). Why access to TVET for all is essential if education for all is to be achieved. Prospects. Volume XXXV no 3.

UNESCO and ILO(2002). Technical and Vocational and Training for the twenty-first century.

Rohana Hamzah (2010). Mengenal Manusia (Asas Pembangunan Manusia Berkualiti). Penerbit UTM Press. Johor Bahru, Malaysia.